

LGBT bukan genetik!

MIMBAR: Mungkin Dr. mempunyai alasan untuk menyatakan sedemikian?

FARIZA: Saya percaya pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terhadap hak asasi golongan tersebut pada 2011 telah menjadi pemangkin.

Natijahnya mereka semakin berani bersuara dan memperjuangkan hak agar diterima oleh masyarakat dan undang-undang, walaupun gaya hidup mereka bertentangan dengan nilai agama serta norma masyarakat.

Tetapi bukan bermakna kita umat Islam perlu menerima atau membiarkan gejala berkenaan menular dalam negara ini. Ia bukan ajaran yang ada dalam al-Quran dan hadis Baginda SAW.

Berdasarkan kepada beberapa kajian termasuk lapangan oleh saya dan rakan-rakan sejawat sebelum ini menunjukkan gejala tersebut bukan masalah yang tiada penawar.

Benarkah ia ada penawar?

Fariza: Berdasarkan satu kajian lapangan bersama beberapa pelajar saya berkaitan dengan Pendekatan Psikologi Dakwah dalam Menangani LGBT dan Psikologi Transeksual menunjukkan gejala LGBT itu bukan kerana genetik tetapi lebih kepada faktor persekitaran.

Antaranya, sikap ibu bapa yang mendidik anak dengan cara berlawanan dengan fitrah jantina anak. Mereka perlu mendidik mengikut bentuk fizikal anak-anak masing-masing. Jadi penawarnya, kalau lelaki, perlu ada elemen yang menepati fitrah sebagai seorang lelaki.

Jangan ikut emosi. Walaupun impian ingin anak perempuan tetapi Allah SWT bagi lelaki, maka didikannya perlu lebih cenderung kepada sifat-sifat kekelakuan.

Begitu juga dengan peranan

MUKADIMAH

GAYA hidup lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) bukan sesuatu yang asing dalam kehidupan masa kini. Buktinya, dalam satu kajian oleh Kementerian Kesihatan pada 2013 menunjukkan bahawa kumpulan berkenaan mencecah lebih 170,000 orang manakala dirahamkan di Indonesia, jumlah mereka kini kira-kira tiga peratus daripada jumlah penduduk negaranya.

Kumpulan itu yang beragama Islam tidak lagi merasa malu untuk tampil atau mempertahankan gaya hidup mereka, walaupun menyedari ia amat bertentangan dengan ajaran al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Keberanian tersebut mungkin terhasil melalui wujudnya kesatuan sesama

masyarakat umum. Saya akui penampilan fizikal golongan itu ada sedikit kelainan tetapi ia bukan alasan untuk menghina atau memandang sinis serta meminggirkan mereka.

Boleh ulas lebih lanjut tentang psikologi golongan ini?

Fariza: Berdasarkan dapatan daripada kajian, ramai golongan 'keliru identiti' di luar sana itu ingin berubah dan mendekati Allah SWT.

Malah ada menunjukkan bahawa golongan berkenaan sememangnya tidak menyukai ciri-ciri fizikal yang bertentangan dengan fitrah asal kelahiran mereka.

Mereka mengalami masalah psikologi dengan cara hidup mereka seperti kurang yakin diri, rasa benci dengan fizikal mereka dan tidak suka dengan diri sendiri.

sendiri yang begitu mantap dalam berdepan dengan kritikan dan kecaman masyarakat umum terhadap gaya hidup mereka.

Situasi ini diakui oleh pensyarah psikologi Islam dan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Fariza Md. Sham.

Beliau yang juga Pemikir Panel Isu-Isu Semasa Wanita Islam (Piswi) Jabatan Kemajuan Islam

Malaysia (Jakim) menegaskan bahawa keadaan tersebut tidak bermakna usaha mentarbiahkan mereka terbantut, tetapi sebaliknya boleh diperkasakan lagi.

Ikuti temu bual bersama beliau.



TERBUKA... GOLONGAN LGBT kini tampil berani mempertahankan hak mereka walaupun ia bertentangan dengan budaya fitrah manusia dan Islam. - GAMBAR HIASAN

Selain undang-undang, saya lebih optimis kepada proses membimbing dan mentarbiah melalui pendekatan dakwah berhikmah dengan mengambil kira elemen-elemen yang menepati kehendak dan keperluan golongan berkenaan."

Apa lagi kelebihan dakwah?

Fariza: Melalui gerakan dakwah ini, kita boleh melibatkan ibu bapa golongan berkenaan tetapi kena terusterang beri tahu bahawa penglibatan itu bukan untuk menghukum mereka.

Langkah itu perlu supaya ibu

bapa lebih memahami situasi yang dialami oleh anak-anak mereka dan boleh terlibat sama dalam proses pemulihan anak masing-masing.

Proses pemulihan perlu berterusan sehingga akidah, ibadat dan akhlak anak masing-masing sukar digugat sampai akhir hayat mereka.

Lagipun, ia boleh menyedarkan ibu bapa tentang adanya gerakan pihak tertentu yang bukan hanya mentafsir ayat-ayat al-Quran dan hadis Baginda SAW mengikut selera sendiri.

Kumpulan itu menerapkan ajaran bahawa amalan songsang itu boleh diteruskan asalkan, aspek akidah dan ibadat tidak ditinggalkan.

Fahaman ini salah di sisi agama kerana Islam itu bersifat syumul yang mengandungi aspek akidah, ibadat dan akhlak yang sama sekali tidak boleh dipisahkan.

Ibu bapa perlu mengambil berat tentang fahaman agama anak masing-masing, jangan dibiarkan dipengaruhi oleh ajaran yang salah.

daripada berleluasa. Cuma, yang menjadi cabaran ialah kadangkala sebarang keputusan di Mahkamah Syariah boleh dicabar di Mahkamah Sivil.

Justeru, selain undang-undang, saya lebih optimis kepada proses membimbing dan mentarbiah melalui pendekatan dakwah berhikmah dengan mengambil kira elemen-elemen yang menepati kehendak dan keperluan golongan berkenaan.

Bukan hanya pendakwah itu perlu ada kemahiran psikologi berkaitan golongan itu dan wujudkan program latihan berkaitan secara berterusan.

Bahkan, mewujudkan satu kumpulan pembimbing yang senasib dengan mereka dan dilakukan secara tertutup. Ini memberikan mereka keselesaan untuk meluahkan perasaan atau pandangan mereka.

Tetapi tiada orang yang boleh bimbing mereka dan ada ketikanya, pendekatan dakwah yang digunakan tidak sesuai dengan jiwa golongan berkenaan.

Atau mungkin semua itu kerana kita bersikap tergesa-gesa sehingga lupa bahawa gerakan dakwah memang memakan masa panjang dan perlu berperingkat-peringkat.

Mungkinkah pendekatan penguatkuasaan undang-undang syariah lebih sesuai?

Fariza: Di Malaysia, terdapat dua saluran tentang penegasan bahawa aktiviti LGBT ini tidak diiktiraf iaitu, melalui farwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam 1982 dan Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah.

Ini semua adalah untuk membendung gejala ini